

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL PERTAMA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : TUAN ABDUL LATIFF BIN ABDUL  
RAHMAN [ KUALA KRAI ]**

**TARIKH : 1 APRIL 2019 (ISNIN)**

**SOALAN NO. 33**

Minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan apakah langkah yang diambil oleh pihak Kementerian untuk menaik taraf sistem imbasan di lapangan terbang dan pintu masuk ke negara untuk menangani masalah penyeludupan dadah.

**JAWAPAN**

Yang Di Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat sistem imbasan di lapangan terbang disediakan sejajar dengan piawaian antarabangsa bagi tujuan untuk mengesan logam dan senjata tajam. Peralatan-peralatan keselamatan tersebut seperti mesin x-ray dan alat-alat pengesan logam disahkan memenuhi piawaian yang ditetapkan oleh European Civil Aviation Council (ECAC) dan juga Federal Aviation Administration (FAA).
2. Kementerian Pengangkutan melalui MAHB mempunyai perancangan untuk memperolehi mesin pengimbas (*full body scanner*) secara berperingkat bermula dengan KLIA dan klia2. Bagi perancangan jangka masa pendek, pihak MAHB telah memulakan proses perolehan di mana sebanyak 10 mesin masing-masing 5 unit akan ditempatkan dan beroperasi di KLIA dan klia2 mulai penggal keempat tahun 2019.
3. Bagi perancangan jangka masa panjang pula, MAHB akan membuat perolehan mesin-mesin tersebut secara berperingkat di antara tahun 2020 hingga 2023 bagi menggantikan peralatan pengesan logam sedia ada (*walkthru metal detector*). Adalah dimaklumkan bahawa mesin pengimbas ini tidak boleh mengenal pasti dadah secara spesifik sebaliknya hanya dapat mengenal pasti barang yang disembunyikan di tubuh penumpang.

Sekian, terima kasih.